

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(B)1

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON**

1. Soft power Seberang Perai.

- (a) Terangkan pencapaian Kerajaan Negeri dalam meningkatkan kesedaran awam mengenai sejarah, kebudayaan dan soft power.
- (b) Nyatakan inisiatif khusus yang dilaksanakan bersama Think City dan komuniti tempatan.
- (c) Bagaimana Pulau Pinang memanfaatkan tokoh sejarah, komuniti seni, diaspora dan Institusi Pegajian Tinggi sebagai duta budaya negeri?

YB WONG HON WAI

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

1. (a) Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui *Penang Global Tourism* (PGT), Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dan Pejabat Pesuruhjaya Warisan Negeri (PJWN) telah melaksanakan pelbagai inisiatif strategik bagi meningkatkan kesedaran awam terhadap sejarah, kebudayaan dan kekuatan *soft power* negeri dengan

kolaborasi dengan *Think City*, institut- institut pengajian awam dan pelbagai agensi.

Antara inisiatif utama termasuk penerbitan bahan promosi baharu oleh *Think City* dengan kolaborasi dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang dilancarkan seperti buku Sejarah dan Warisan Haji di Seberang Perai, panduan pelancongan Guar Kepah, Peta Budaya Permatang Tinggi serta risalah pelancongan bagi daerah Seberang Perai Utara, Tengah dan Selatan. Tujuh video promosi bertajuk *Small Towns of Seberang Perai* hasil inisiatif *Think City* yang memperkenalkan sejarah, komuniti dan identiti budaya tempatan di peringkat antarabangsa turut diterbitkan.

- (b) MBSP terus memperkukuh kerjasama strategik bersama *Think City* dan komuniti tempatan dalam usaha menaik taraf imej bandar Seberang Perai melalui pendekatan *placemaking* serta pembangunan berasaskan komuniti, bagi memperindah bandar, memperkaya ruang awam dan meningkatkan kualiti hidup penduduk.

Antara projek utama termasuk Program Geran Pekan Seberang Perai (2024–2025) yang menyokong pembangunan sosioekonomi serta menghidupkan semula bandar kecil di Seberang Perai. Salah satu contoh kejayaan *placemaking* ialah Projek *Butterworth Art Walk*, iaitu usaha untuk menghidupkan lorong lama dengan elemen seni awam seperti mural, arca dan pemasangan kreatif yang menonjolkan sejarah serta identiti masyarakat Seberang Perai.

Selain itu, Projek Naik Taraf Taman Pantai turut dilaksanakan bagi memperindah kawasan rekreasi awam dengan elemen seni landskap, laluan pejalan kaki, ruang komuniti dan pencahayaan yang berfungsi sebagai pusat interaksi sosial dan tarikan pelancongan komuniti. MBSP juga melaksanakan Projek Papan Informasi Burung Hijrah di Sungai Tembus (*Bird Flyway Project*) dengan kerjasama Persatuan Nelayan Sungai Tembus untuk meningkatkan kesedaran awam terhadap kepelbagaian spesies burung migrasi serta menyokong pelancongan berasaskan alam semula jadi.

Selain itu, Hab Komuniti Bersepadu Presint Lebuhraya Kampung Benggali yang menempatkan Perpustakaan Digital Butterworth (BDL), Pocket Park dan kolam renang awam turut diwujudkan sebagai ruang sosial masyarakat. Melalui Seberang Perai Small Town Grants Programme, penduduk tempatan turut diberi peluang melaksanakan projek pelancongan komuniti berasaskan warisan dan budaya bagi memperkasa ekonomi setempat.

- (c) Kerajaan Negeri juga bekerjasama dengan pihak universiti dalam perkara berkenaan.

Kerjasama dengan USM menghasilkan kajian Sejarah dan Warisan Haji di Seberang Perai; UPSI dan USM turut terlibat dalam Bird Flyway Project di Sungai Tembus; manakala UPM melaksanakan Fun Map Seberang Perai – Eko dan Warisan yang memperkenalkan tapak sejarah dan ekopelancongan secara interaktif. Hasil penyelidikan seperti buku Sejarah Seberang Perai turut dijadikan bahan rujukan di MBSP dan UiTM.

Dalam masa yang sama, komuniti seni tempatan memainkan peranan sebagai duta budaya Pulau Pinang melalui penyertaan aktif dalam festival seni dan kebudayaan seperti Butterworth Fringe Festival (BFF), Nibong Tebal Festival serta Pesta Penang2030 dan Hari Warisan Seberang Perai.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(B)2

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM**

2. Setakat hari ini, berapa banyakkah kawasan atau kampung-kampung yang telah diwartakan sebagai kampung warisan atau zon warisan di negeri ini?

YB WONG HON WAI

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

2. Kampung Melayu Lama Air Itam telah dicalonkan sebagai Tapak Warisan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645). Pencalonan ini kini dalam proses mendapatkan persetujuan daripada pemilik dan Pihak Berkuasa Negeri sebelum tindakan selanjutnya diambil oleh Jabatan Warisan Negara bagi tujuan pewartaan rasmi.

Langkah ini mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan Negeri dalam memelihara dan melindungi tapak-tapak warisan bersejarah serta kampung tradisional sebagai sebahagian daripada identiti budaya dan sejarah Pulau Pinang.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(B)3

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH
YB GOOI HSIAO-LEUNG**

3. Jelaskan rancangan terperinci Kerajaan Negeri untuk mewujudkan pusat kewangan antarabangsa di Pulau Pinang yang telah dicadangkan kepada Kerajaan Pusat dan bagaimana rancangan ini penting sebagai pemangkin ekonomi baharu untuk Pulau Pinang.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

3. (a) Konsep dan Mekanisme Penubuhan PIFC

Cadangan Penang International Financial Centre (PIFC) merupakan inisiatif strategik Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk memperkukuh ekosistem kewangan negeri dan memacu pertumbuhan ekonomi berasaskan pengetahuan dan teknologi tinggi.

Tiga teras utama PIFC ialah:

- (i) Dana Pelaburan Industri Negeri (*State Sovereign Wealth Fund*)

Menggunakan hasil negeri seperti tanah untuk menjana modal pelaburan tanpa perlu kelulusan langsung daripada Kerajaan Persekutuan.

- (ii) Pendigitalan Harta Tanah

Menukar aset tanah milik negeri kepada Amanah Pelaburan Harta Tanah (REIT) bagi menarik pelabur swasta.

- (iii) Pembangunan Fizikal Hab Kewangan

Mewujudkan zon khas dengan infrastruktur moden dan ekosistem perniagaan digital, disokong oleh pusat data, fintech, dan perkhidmatan sokongan profesional.

- (b) Status Permohonan dan Respons Kerajaan Persekutuan

Selaras dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan, kelulusan daripada Kerajaan Persekutuan adalah diperlukan sekiranya cadangan penubuhan Penang International Financial Centre (PIFC) melibatkan dana luar atau pelaburan syarikat antarabangsa yang tertakluk kepada dasar kewangan Malaysia.

Kerajaan Negeri telah mengemukakan permohonan kepada Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) bagi mewujudkan Zon Kewangan Khas Pulau Pinang. Permohonan tersebut tidak melibatkan sebarang kos kepada Kerajaan Negeri.

Walau bagaimanapun, MOF telah memaklumkan bahawa pada masa ini tiada perancangan dasar untuk menubuhkan Pusat Kewangan Antarabangsa di Malaysia. MOF juga menjelaskan bahawa cadangan untuk menubuhkan kumpulan kerja (*working group*) yang terdiri daripada wakil Kerajaan Negeri Pulau Pinang, MOF, Bank Negara Malaysia dan agensi berkaitan tidak disokong, memandangkan kementerian berkenaan belum

mempunyai sebarang dasar khusus berhubung penubuhan Pusat Kewangan Antarabangsa di Malaysia.

(c) Lokasi dan Tapak Cadangan

Penentuan lokasi bagi Pusat Kewangan Antarabangsa Pulau Pinang (PIFC) memerlukan pertimbangan yang menyeluruh serta perbincangan lanjut bersama pihak-pihak berkepentingan, khususnya melibatkan implikasi perundangan, kewangan dan keperluan industri.

Sebagai perbandingan, pusat kewangan antarabangsa utama di luar negara mengambil masa sehingga tujuh (7) tahun sebelum dapat beroperasi sepenuhnya. Oleh yang demikian, proses pemilihan lokasi bagi PIFC akan dilaksanakan secara berhati-hati, berfasa dan berasaskan kepada analisis kesesuaian serta keperluan pasaran semasa.

Cadangan penubuhan PIFC di Ampang Jajar seluas kira-kira 40 hektar adalah amat dihargai dan akan dipertimbangkan bersama lokasi-lokasi lain yang turut dikenal pasti berpotensi, selaras dengan perancangan

pembangunan negeri bagi memastikan keseimbangan pertumbuhan antara kawasan pulau dan Seberang Perai.

(d) Justifikasi dan Manfaat Ekonomi kepada Negeri

Penubuhan Penang International Financial Centre (PIFC) diunjurkan menjadi pemangkin ekonomi baharu Pulau Pinang, dengan memberi tumpuan kepada integrasi antara industri semikonduktor dan sektor kewangan digital.

Inisiatif ini dilihat sebagai langkah strategik bagi mengukuhkan kedudukan Pulau Pinang sebagai hab ekonomi berteknologi tinggi dan berdaya saing di rantau ini.

Antara manfaat utama ekonomi yang dijangka diperoleh melalui pelaksanaan PIFC ialah:

i) Peningkatan Rantaian Nilai Industri (*Upgrading Value Chain*)

Pembiayaan aktiviti bernilai tinggi melalui PIFC berpotensi menarik modal teroka dan ekuiti

persendirian bagi menyokong aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D), reka bentuk litar bersepadu, serta pengkhususan perkhidmatan kejuruteraan. Pendekatan ini sejajar dengan aspirasi Strategi Semikonduktor Nasional (NSS) untuk membawa industri Malaysia ke tahap rantai nilai yang lebih tinggi.

ii) Menarik dan Menahan Modal serta Bakat Berkualiti Tinggi

Pusat kewangan antarabangsa berupaya menyediakan infrastruktur institusi dan ekosistem pelaburan yang diperlukan untuk menarik dana antarabangsa berskala besar. Kewujudan PIFC bukan sahaja menyokong sektor pembuatan berteknologi tinggi tetapi turut memperkukuh perkhidmatan sokongan profesional, di samping mencipta peluang pekerjaan berkemahiran tinggi untuk rakyat tempatan serta mengurangkan masalah penghijrahan bakat (*brain drain*).

iii) Perintis Inovasi Kewangan Digital (*Digital Financial Innovation*)

PIFC dijangka berfungsi sebagai platform kewangan digital serantau yang membezakan Pulau Pinang daripada pusat kewangan antarabangsa lain dengan memberi tumpuan kepada teknologi kewangan (FinTech) dan integrasi industri berasaskan data, automasi serta kecerdasan buatan (AI).

iv) Peluang Pekerjaan dan Pemeriksaan Ekonomi Setempat

Pembangunan PIFC akan menjana pelbagai peluang pekerjaan baharu dalam sektor kewangan, ICT, kejuruteraan dan perkhidmatan teknikal. Secara langsung, ia akan memperkukuh aktiviti ekonomi setempat melalui pembangunan infrastruktur moden,

ekosistem digital menyeluruh serta peningkatan taraf hidup rakyat.

(e) Pelan Susulan dan Arah Hala Tuju

Walaupun cadangan asal tidak disokong oleh MOF, Kerajaan Negeri tidak menghentikan usaha tersebut. Melalui Penang Institute, kajian kebolehlaksanaan sedang dijalankan bagi memperincikan model ekonomi dan potensi PIFC sebagai hub kewangan digital serantau.

Langkah-langkah susulan termasuk:

- (i) Meneruskan libat urus dengan agensi kewangan, pelabur dan pemaju hartanah strategik.
- (ii) Menumpukan kepada inisiatif fintech dan kewangan digital yang tidak bertindih dengan pusat kewangan sedia ada.
- (iii) Menyusun semula strategi pelaksanaan PIFC secara berfasa dan berdikari, dengan sokongan dana negeri serta kerjasama sektor swasta.

RUMUSAN

Secara keseluruhannya, PIFC merupakan aspirasi jangka panjang Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menjadikan negeri ini sebagai pusat kewangan digital dan teknologi baharu yang menyokong ekonomi berpendapatan tinggi.

Walaupun belum mendapat kelulusan dasar di peringkat Persekutuan, inisiatif ini akan terus diperhalusi melalui pendekatan fasa pembangunan, inovasi kewangan digital dan perkongsian strategik awam-swasta, agar Pulau Pinang kekal sebagai peneraju pembangunan ekonomi moden negara.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(B)4

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN
YB GOH CHOON AIK**

4. Huraikan persiapan Penang Bridge International Marathon (PBIM) 2025.
- (a) Huraikan penganjuran PBIM 2024 yang julung kali diadakan di Batu Kawan.
 - (b) Apakah impak penganjuran PBIM 2024 kepada pelancongan sukan di Seberang Perai?
 - (c) Huraikan perkembangan ekosistem pelancongan sukan di Pulau Pinang serta program promosi yang telah dan akan dilaksanakan.

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

4. Bagi Penang Bridge International Marathon (PBIM) 2025, pelbagai persediaan dan penambahbaikan sedang dirancang, termasuk pengukuhan penajaan, penganjuran aktiviti satelit dan festival komuniti, serta pengenalan pakej “*racecation*” yang menggabungkan aktiviti larian dan pelancongan. Fokus juga diberikan kepada peningkatan kemudahan awam, kawalan trafik serta pengalaman peserta bagi memastikan PBIM terus kekal

sebagai acara larian bertaraf antarabangsa dan ikon pelancongan sukan Pulau Pinang.

Seramai 22,609 peserta telah membuat pendaftaran bagi kategori Full Marathon (4,287 orang), Half Marathon (10,237 orang) dan 10KM (8,085 orang).

- (a) PBIM 2024 telah julung kalinya dianjurkan di Batu Kawan, dengan laluan baharu merentasi Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah iaitu Jambatan Kedua Pulau Pinang. Pemilihan lokasi ini memberikan kelebihan dari segi ruang permulaan dan penamat yang lebih luas serta kemudahan logistik yang lebih efisien.

Acara ini mencatatkan penyertaan lebih 22,000 peserta daripada lebih 60 buah negara, menjadikannya acara larian terbesar di Utara Semenanjung.

Dari aspek penganjuran, PBIM 2024 telah dilaksanakan oleh Pejabat YB Pengerusi Jawatankuasa MMK Pelancongan dan Ekonomi Kreatif (PETACE) dengan

kerjasama anak syarikat Kerajaan Negeri, Penang Convention & Exhibition Bureau (PCEB), serta rakan strategik seperti Aspen-Klippa dan beberapa penaja utama. Pelbagai aktiviti pra-acara turut dijalankan, termasuk pelancaran vest rasmi, program “Road to PBIM”, aktiviti komuniti dan pameran sukan.

Secara keseluruhan, lokasi baharu di Batu Kawan menawarkan pengalaman yang lebih selesa kepada peserta melalui akses mudah, ruang lapang, dan kemudahan fasiliti yang tersusun.

- (b) Penganjuran PBIM 2024 memberi impak ekonomi dan sosial yang signifikan kepada kawasan Seberang Perai, khususnya di sekitar Batu Kawan. Kehadiran ribuan pelari dan pengiring telah meningkatkan kadar penginapan hotel, perbelanjaan makanan serta aktiviti ekonomi tempatan.

Dari perspektif pelancongan, PBIM berjaya menjenamakan Batu Kawan sebagai destinasi baharu acara sukan antarabangsa, sekali gus mengimbangi tumpuan

pelancongan antara bahagian pulau dan tanah besar. Acara ini turut merancakkan rantai ekonomi pelancongan sukan, melibatkan penyedia perkhidmatan acara, pengusaha penginapan, operator pelancongan, dan vendor peralatan sukan.

Selepas pengumuman PBIM 2024 di Aspen Vision City, Batu Kawan, kawasan tersebut telah diangkat sebagai destinasi baharu untuk sukan larian, dengan pengumuman lapan acara larian di situ, iaitu:

- (i) Larian Sarapan MILO, Larian Jabil, Larian *LEADERland I Am A Leader*, Larian *Rotary Darkness Into Light*, Larian Perhimpunan Perdana Penjawat Awam, Larian JCI Pearl, Larian Santai Shell 5KM, serta Larian Tian Siang BMW.
- (c) Kerajaan Negeri melalui Pejabat EXCO Pelancongan dan Ekonomi Kreatif telah dan akan terus memperkukuh ekosistem pelancongan sukan selaras dengan aspirasi Penang2030, menjadikan PBIM sebagai acara utama

(*flagship event*) dalam kalendar sukan dan pelancongan negeri. Antara inisiatif promosi utama yang dilaksanakan termasuk:

- (i) Siri “Road to PBIM” dan aktiviti larian komuniti di beberapa lokasi seperti:
 - 1. Batu Kawan;
 - 2. Taman Belia MBPP; dan
 - 3. Stadium Bandaraya.
- (ii) Kolaborasi strategik dengan penaja seperti Aspen-Klipa, IKEA, Proton, Decathlon, dan Brooks bagi promosi jenama serta ganjaran penyertaan; dan
- (iii) Kempen media dan aktiviti lapangan yang menumpukan kepada pasaran nasional dan antarabangsa bagi meningkatkan profil PBIM.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(B)5

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB LEE BOON HENG**

5. Apakah pencapaian kerajaan negeri dalam menarik dan mempromosikan lebih banyak penganjuran acara MICE di Pulau Pinang bagi tahun 2024 hingga 2025?
- (a) Apakah langkah tambahan yang akan diambil untuk terus memperkembangkannya?

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

5. Bagi tempoh tahun 2024 hingga 2025, Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui *Penang Convention & Exhibition Bureau* (PCEB) terus memperkukuh kedudukan negeri ini sebagai destinasi utama acara perniagaan (*business events*) di rantau ini. Sepanjang tahun 2024, Pulau Pinang berjaya menarik 2,059 acara perniagaan melibatkan 300,000 peserta tempatan dan antarabangsa dengan anggaran sumbangan ekonomi (EEI) melebihi RM1.29 bilion. Bagi tahun 2025 pula, sehingga Ogos

2025, lebih 1,183 acara perniagaan telah dilaksanakan, membabitkan 170,000 peserta dengan EEI melebihi RM800 juta.

Selain penglibatan aktif dalam *Trade Shows* dan *Roadshows* bersama *Malaysia Convention & Exhibition Bureau* (MyCEB) serta penganjuran *Penang International Travel Exchange* (PITE), PCEB turut melaksanakan beberapa strategi baharu bagi memperluas capaian pasaran dengan pasaran baru di India dengan pembukaan laluan penerbangan terus antara Chennai dan Pulau Pinang bermula 21 Disember 2024. Penerbangan ini telah meningkatkan kemasukan pelancong perniagaan dari India melebihi 100% dalam tempoh sembilan (9) bulan pertama.

- (a) Selaras dengan Tahun Melawat Malaysia 2026 (VMY 2026), PCEB akan melancarkan kempen promosi khas pada 24 November 2025 bagi menarik lebih banyak penganjuran acara antarabangsa ke Pulau Pinang. Tambahan pula, dengan bermulanya operasi *Penang Waterfront Convention Centre* (PWCC), PCEB telah menjalin kerjasama strategik dengan operator PWCC iaitu *Korea International Exhibition Center* (KINTEX) untuk

membawa masuk lebih banyak acara dari Korea, dimulakan dengan penganjuran K-Beauty Expo pada 20 hingga 22 November 2025.

Dengan sokongan padu daripada Kerajaan Negeri dan rakan industri, PCEB yakin Pulau Pinang akan terus muncul sebagai hab utama acara perniagaan serantau, sekali gus merancakkan ekonomi negeri serta membuka lebih banyak peluang pekerjaan berimpak tinggi kepada rakyat.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(B)6

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP
YB ABIDIN BIN ISMAIL**

6. Apakah status terkini rundingan atau pelaksanaan projek pengambilan air dari Sungai Perak, dan sejauh mana ia telah bergerak untuk menjamin bekalan air jangka panjang bagi Pulau Pinang?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

6. Projek pengambilan air dari Sungai Perak merupakan inisiatif strategik jangka panjang bagi menjamin kesinambungan bekalan air mentah ke Negeri Pulau Pinang. Projek ini merupakan penyelesaian bagi menjamin keselamatan dan kelestarian bekalan air jangka panjang sehingga Tahun 2050.

Kerajaan Negeri Perak telah melantik Konsortium Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP) – Kumpulan Gamuda Berhad (PKNP-Gamuda) sebagai wakil rasmi negeri tersebut bagi mengadakan rundingan dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Beberapa siri mesyuarat telah diadakan dan melalui Mesyuarat

Rundingan Bilangan 3 Tahun 2025 pada 10 Oktober 2025, kedua-dua pihak telah mencapai persetujuan dasar yang akan menjadi asas kepada pertimbangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam membuat keputusan berhubung cadangan pembelian air terawat daripada Negeri Perak.

Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) telah memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Konsortium PKNP Gamuda pada 6 November 2025 bertempat di Casuarina Convention Centre 1 (CCC1), Hotel Casuarina@Meru, Ipoh bagi projek pembekalan air terawat dari Sungai Perak. Dengan termeterainya MoU ini, ianya bakal membolehkan Pulau Pinang membeli sekurang-kurangnya 300 juta liter air terawat sehari mulai tahun 2031 daripada Negeri Perak.

Perjanjian ini adalah hasil rundingan intensif yang menetapkan terma utama penjualan air kepada Pulau Pinang, termasuk harga, jumlah dan tempoh pembekalan, sebagai asas kepada Perjanjian Pembekalan Air Pukul (BWSA) yang akan dimeterai nanti. Kedua-dua pihak mensasarkan untuk memuktamadkan BWSA dalam

tempoh enam bulan, tertakluk kepada kelulusan pihak berkuasa berkaitan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(B)7

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN PENGKALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG**

7. Apakah kedudukan Pulau Pinang sebagai hab pelancongan kesihatan (medical tourism) dan usaha yang diambil untuk mengekalkan status Pulau Pinang sebagai hab serantau tersebut?

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

7. Pulau Pinang kini diiktiraf sebagai hab pelancongan kesihatan terkemuka di Malaysia dan Asia Tenggara, hasil gabungan kemudahan perubatan bertaraf antarabangsa, kepakaran profesional kesihatan yang diiktiraf global serta sokongan infrastruktur pelancongan yang mantap. Negeri ini menyumbang lebih daripada 40% daripada jumlah pelancong kesihatan ke Malaysia dan menjadi antara destinasi utama bagi pesakit antarabangsa terutamanya dari Indonesia dan China mencari rawatan berkualiti tinggi pada kos yang lebih berpatutan

berbanding destinasi serantau lain seperti Singapura atau Bangkok.

Pulau Pinang mempunyai hospital swasta bertaraf antarabangsa yang dilengkapi dengan teknologi terkini termasuk sistem pembedahan robotik, rawatan kanser berasaskan teknologi moden, serta kemudahan kardiologi dan ortopedik yang setanding dengan negara maju. Kualiti penjagaan kesihatan yang tinggi, digabung dengan persekitaran pelancongan yang selesa dan akses mudah, menjadikan negeri ini pilihan utama bagi pelancong kesihatan antarabangsa.

Melalui *Penang Centre of Medical Tourism* (PMED) di bawah Penang Global Tourism yang mempunyai 18 keahlian institusi hospital dan kesihatan, Kerajaan Negeri terus memperkukuh ekosistem pelancongan kesihatan melalui pelbagai inisiatif strategik antaranya melalui kerjasama dengan syarikat penerbangan seperti AirAsia melalui *Boarding Pass Programme*, promosi bersama Malaysia Healthcare Travel Council (MHTC), penyertaan dalam ekspo antarabangsa seperti *Malaysia Healthcare Expo (MHX)* di Bandung dan Jakarta, serta

menganjurkan program *familiarisation trip* kepada ejen pelancongan dan penggiat media luar negara.

Selain itu, Pulau Pinang juga menonjol dalam pendekatan *wellness tourism* yang menggabungkan rawatan kesihatan moden dengan pengalaman pemulihan berasaskan gaya hidup sihat seperti spa kesihatan, rawatan holistik, dan pelancongan alam semula jadi. Dengan strategi promosi yang disokong oleh Penang Global Tourism (PGT) dan PMED, negeri ini bukan sahaja kekal sebagai destinasi utama pelancongan kesihatan Malaysia, tetapi juga sedang bergerak ke arah menjadi hab pelancongan perubatan serantau bertaraf dunia menjelang tahun 2030.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(B)8

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR
YB TEH LAI HENG**

8. Apakah strategi serta pencapaian baharu bagi George Town Festival (GTF) pada tahun ini?
- (a) Senaraikan usaha yang telah diambil untuk meningkatkan kesedaran serta memupuk minat dalam kalangan masyarakat setempat.

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

8. *George Town Festival* (GTF) edisi ke-16 telah diadakan pada 2 hingga 10 Ogos 2025. GTF 2025 memperkenalkan tema “*Connection*” yang menumpukan kepada cara seni mencerminkan pengalaman hidup manusia.

GTF menonjolkan kreativiti, warisan serta inovasi budaya. GTF menumpukan kepada pembangunan ekosistem seni yang mampan dan inklusif melalui penyediaan ruang untuk penggiat seni tempatan, kebangsaan dan serantau. Melalui kerjasama antarabangsa serta penerapan teknologi digital seperti platform

dalam talian, pameran maya dan interaksi digital, GTF memperluas capaian dan penglibatan masyarakat. Festival ini terus kekal relevan sebagai ruang dinamik yang menghubungkan seni, komuniti dan masyarakat global.

Melalui teater, muzik, tarian, fotografi dan seni visual, festival ini menunjukkan cara baharu untuk menghargai seni, membangkitkan imaginasi dan emosi, serta menonjolkan peranan seni dalam kehidupan manusia. Bengkel dan sesi perkongsian juga telah diadakan bagi memupuk minat komuniti tempatan terhadap seni, seperti berikut:

(i) Aktiviti Komuniti

1. *GTF at Paya Terubong*
2. *Macam-macam Berapit*
3. *Kongsi Party*
4. *Bedtime Stories*
5. *Drum Together*
6. *Totsu-totsu Dance - like art, like care*
7. *Future Blender*

(ii) Aktiviti Digital

1. *IMMERISOx*
2. *Terang Projection Mapping*
3. *Symbiosis: Crab Chronicle*
4. *Framing Real Moments: A Photography Workshop by Canon*
5. *Stories in Motion: A Videography Workshop by Canon*
6. *Framing Real Moments: A Photography Workshop by Canon*
7. *Sharing Session by Michiyuki Ishita (Projection Mapping Association of Japan)*
8. *TERANG Forum Session*

(iii) Aktiviti Artis Tempatan

1. *The Kung Yu 5 Checklist workshop*
2. *Contemporary Puppetry as a Tool for Intergenerational Dialogue Performance*
3. *Workshop 101 Series*

4. *TIDES OF TRADITION: Coastal Fishermen and the Soul of Penang's Shores*
5. *Living the Tanjong Life : A tribute to the late Azmi Hussin*

(iv) Aktiviti Antarabangsa

1. *"Puzzles"- A Collaborative Dance x Live Music Guided Jam Session with 129 BPM*
2. *And All That Jazz - Stories of Malaysia and Taiwan*
3. *GTF Summer School: Arts Masterclasses series in 2025*
4. *Sharing Session by Michiyuki Ishita*
5. *A Night in Spain* (Kerjasama dengan Kedutaan Sepanyol di Malaysia)
6. *And All That Jazz - Stories of Malaysia and Taiwan* (Kerjasama dengan Pejabat Ekonomi dan Kebudayaan Taipei)
7. *Three Generations, One Jazzy Heartbeat* (Kerjasama dengan Pejabat Ekonomi dan Kebudayaan Taipei)
8. Persembahan *Ombak Potehi* di *Singapore Night Festival* yang berlangsung pada 29Ogos dan 30 Ogos 2025

9. Persembahan *Culture Shot* di *Pakk Taii Design Week*, Songkhla, Thailand pada 6 September 2025.

- (a) Bagi meningkatkan kesedaran serta memupuk minat dalam kalangan masyarakat setempat, GTF 2025 telah menganjurkan lebih daripada 50 program, dengan 80% daripada program tersebut dibuka secara percuma kepada orang ramai. Seramai 186,129 orang (97.67%) telah mengambil bahagian dalam program percuma atau tidak berbayar. Festival ini turut melibatkan 526 orang (71.96%) peserta tempatan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(B)9

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

9. Apakah lokasi sebenar tanah yang dibeli atau dikenal pasti oleh MAINPP di Daerah Barat Daya menggunakan peruntukan RM15 juta (2025)?
- (a) Nyatakan jenis tanah, keluasan dan mukim.
 - (b) Apakah status urus niaga (dimuktamadkan atau rundingan)?
 - (c) Apakah objektif pembangunan bagi tanah tersebut?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

9. Pihak Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) sering menerima tawaran jualan dari pemilik tanah di seluruh Negeri Pulau Pinang.

Sehingga kini tiada urus niaga yang dimuktamadkan untuk pembelian oleh MAINPP yang berjumlah RM15 juta di Daerah Barat Daya pada tahun 2025.

Tawaran yang diterima juga tidak mengikat dan MAINPP boleh menarik keputusan bagi sebarang pembelian tanah yang ditawarkan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(B)69

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB LIM GUAN ENG**

69. Nyatakan sebabnya permohonan Kerajaan Negeri untuk sebuah Zon Kewangan Khas Pulau Pinang dalam kawasan Pulau tidak diluluskan.
- (a) Adakah pilihan suatu tapak di Ampang Jajar dalam kawasan Parlimen Bagan lebih sesuai demi memastikan pembangunan seimbang di antara kawasan Pulau dan Seberang Perai?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

69. 1. Konsep dan Mekanisme Penubuhan PIFC

Cadangan Penang International Financial Centre (PIFC) merupakan inisiatif strategik Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk memperkukuh ekosistem kewangan negeri dan memacu pertumbuhan ekonomi berasaskan pengetahuan dan teknologi tinggi.

Tiga teras utama PIFC ialah:

- (i) Dana Pelaburan Industri Negeri (State Sovereign Wealth Fund)

Menggunakan hasil negeri seperti tanah untuk menjana modal pelaburan tanpa perlu kelulusan langsung daripada Kerajaan Persekutuan.

- (ii) Pendigitalan Harta Tanah

Menukar aset tanah milik negeri kepada Amanah Pelaburan Harta Tanah (REIT) bagi menarik pelabur swasta.

- (iii) Pembangunan Fizikal Hab Kewangan

Mewujudkan zon khas dengan infrastruktur moden dan ekosistem perniagaan digital, disokong oleh pusat data, *fintech*, dan perkhidmatan sokongan profesional.

2. Status Permohonan dan Respons Kerajaan Persekutuan

Selaras dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan, kelulusan daripada Kerajaan Persekutuan adalah diperlukan sekiranya cadangan penubuhan PIFC

melibatkan dana luar atau pelaburan syarikat antarabangsa yang tertakluk kepada dasar kewangan Malaysia.

Kerajaan Negeri telah mengemukakan permohonan kepada Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) bagi mewujudkan Zon Kewangan Khas Pulau Pinang. Permohonan tersebut tidak melibatkan sebarang kos kepada Kerajaan Negeri.

Walau bagaimanapun, MOF telah memaklumkan bahawa pada masa ini tiada perancangan dasar untuk menubuhkan Pusat Kewangan Antarabangsa di Malaysia. MOF juga menjelaskan bahawa cadangan untuk menubuhkan kumpulan kerja (*working group*) yang terdiri daripada wakil Kerajaan Negeri Pulau Pinang, MOF, Bank Negara Malaysia dan agensi berkaitan tidak disokong, memandangkan kementerian berkenaan belum mempunyai sebarang dasar khusus berhubung penubuhan Pusat Kewangan Antarabangsa di Malaysia.

3. Lokasi dan Tapak Cadangan

Penentuan lokasi bagi Pusat Kewangan Antarabangsa Pulau Pinang (PIFC) memerlukan pertimbangan yang

menyeluruh serta perbincangan lanjut bersama pihak-pihak berkepentingan, khususnya melibatkan implikasi perundangan, kewangan dan keperluan industri.

Sebagai perbandingan, pusat kewangan antarabangsa utama di luar negara mengambil masa sehingga tujuh (7) tahun sebelum dapat beroperasi sepenuhnya. Oleh yang demikian, proses pemilihan lokasi bagi PIFC akan dilaksanakan secara berhati-hati, berfasa dan berasaskan kepada analisis kesesuaian serta keperluan pasaran semasa.

Cadangan penubuhan PIFC di Ampang Jajar seluas kira-kira 40 hektar adalah amat dihargai dan akan dipertimbangkan bersama lokasi-lokasi lain yang turut dikenal pasti berpotensi, selaras dengan perancangan pembangunan negeri bagi memastikan keseimbangan pertumbuhan antara kawasan Pulau dan Seberang Perai.

4. Justifikasi dan Manfaat Ekonomi kepada Negeri

Penubuhan Penang International Financial Centre (PIFC) diunjurkan menjadi pemangkin ekonomi baharu Pulau

Pinang, dengan memberi tumpuan kepada integrasi antara industri semikonduktor dan sektor kewangan digital.

Inisiatif ini dilihat sebagai langkah strategik bagi mengukuhkan kedudukan Pulau Pinang sebagai hab ekonomi berteknologi tinggi dan berdaya saing di rantau ini.

Antara manfaat utama ekonomi yang dijangka diperoleh melalui pelaksanaan PIFC ialah:

(i) Peningkatan Rantaian Nilai Industri (Upgrading Value Chain)

Pembiayaan aktiviti bernilai tinggi melalui PIFC berpotensi menarik modal teroka dan ekuiti persendirian bagi menyokong aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D), reka bentuk litar bersepadu, serta pengkhususan perkhidmatan kejuruteraan.

Pendekatan ini sejajar dengan aspirasi Strategi Semikonduktor Nasional (NSS) untuk membawa industri Malaysia ke tahap rantaian nilai yang lebih tinggi.

(ii) Menarik dan Menahan Modal serta Bakat Berkualiti Tinggi

Pusat kewangan antarabangsa berupaya menyediakan infrastruktur institusi dan ekosistem pelaburan yang diperlukan untuk menarik dana antarabangsa berskala besar. Kewujudan PIFC bukan sahaja menyokong sektor pembuatan berteknologi tinggi tetapi turut memperkukuh perkhidmatan sokongan profesional, di samping mencipta peluang pekerjaan berkemahiran tinggi untuk rakyat tempatan serta mengurangkan masalah penghijrahan bakat (*brain drain*).

(iii) Perintis Inovasi Kewangan Digital (Digital Financial Innovation)

PIFC dijangka berfungsi sebagai platform kewangan digital serantau yang membezakan Pulau Pinang daripada pusat kewangan antarabangsa lain dengan memberi tumpuan kepada teknologi kewangan

(FinTech) dan integrasi industri berasaskan data, automasi serta kecerdasan buatan (AI).

(iv) Peluang Pekerjaan dan Pemeriksaan Ekonomi Setempat

Pembangunan PIFC akan menjana pelbagai peluang pekerjaan baharu dalam sektor kewangan, ICT, kejuruteraan dan perkhidmatan teknikal. Secara langsung, ia akan memperkukuh aktiviti ekonomi setempat melalui pembangunan infrastruktur moden, ekosistem digital menyeluruh serta peningkatan taraf hidup rakyat.

5. Pelan Susulan dan Arah Hala Tuju

Walaupun cadangan asal tidak disokong oleh MOF, Kerajaan Negeri tidak menghentikan usaha tersebut. Melalui Penang Institute, kajian kebolehlaksanaan sedang dijalankan bagi memperincikan model ekonomi dan potensi PIFC sebagai hab kewangan digital serantau.

Langkah-langkah susulan termasuk:

- (i) Meneruskan libat urus dengan agensi kewangan, pelabur dan pemaju hartanah strategik;
- (ii) Menumpukan kepada inisiatif *fintech* dan kewangan digital yang tidak bertindih dengan pusat kewangan sedia ada; dan
- (iii) Menyusun semula strategi pelaksanaan PIFC secara berfasa dan berdikari, dengan sokongan dana negeri serta kerjasama sektor swasta.

RUMUSAN

Secara keseluruhannya, PIFC merupakan aspirasi jangka panjang Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menjadikan negeri ini sebagai pusat kewangan digital dan teknologi baharu yang menyokong ekonomi berpendapatan tinggi.

Walaupun belum mendapat kelulusan dasar di peringkat Persekutuan, inisiatif ini akan terus diperhalusi melalui pendekatan fasa pembangunan, inovasi kewangan digital dan perkongsian strategik awam-swasta, agar Pulau Pinang kekal sebagai peneraju pembangunan ekonomi moden negara.